

PILIHANRAYA

Chedet.cc

02 December 2016

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Kita lihat banyak negara-negara yang mencapai kemerdekaan setelah dijajah, memilih sistem demokrasi. Malaysia juga demikian. Tetapi sementara di Malaysia pilihanraya dapat menentukan parti yang akan berdiri Kerajaan, di kebanyakan negara lain pilihanraya hanya menghasilkan Kerajaan otokratik.
2. Sebabnya ialah banyak penipuan berlaku dalam pilihanraya sehingga keputusan dipertikai oleh pihak yang kalah. Kadang-kadang rusuhan berlaku, bahkan adakalanya perang saudara berlaku.
3. Sebenarnya penipuan mudah diperlakukan dalam pilihanraya. Diantaranya ialah dengan memindah pengundi dari kawasan yang tetap dimenangi kepada kawasan yang parti kalah dengan jumlah undi yang sedikit sahaja.
4. Dengan tambahan sedikit sahaja pengundi dari kawasan kubu kepada kawasan kalah, kemenangan mudah dicapai.
5. Sogokan wang dan barangan juga boleh menentu kemenangan. Biasanya dibuat secara rahsia kerana ia menyalahi undang-undang, tetapi jika Kerajaan boleh menghalang segala tindakan undang-undang terhadapnya, sogokan boleh dibuat secara terbuka oleh parti Kerajaan. Jika ada laporan dan dakwaan bahawa sogokan telah berlaku, ketua polis dan pendakwa raya boleh mengeneapi atau menutup dakwaan itu. Mahkamah tidak akan dapat mendengar kes itu.
6. Mungkin juga orang yang membuat laporan dimasukkan dalam tahanan dan dihadapkan ke mahkamah. Setelah ini berlaku tiada akan ada lagi sesiapa yang akan membuat laporan.
7. Orang asing juga boleh diguna untuk mengundi parti yang berkuasa. Katakanlah terdapat ramai orang asing yang berada dalam negara kerana sebab-sebab tertentu, mereka ini boleh diberi kad pengenalan warganegara dan didaftar sebagai pengundi. Sudah pun dikesan orang asing yang memiliki passport negara lain tetapi mempunyai kad pengenalan Malaysia.
8. Dengan sogokan juga pegawai dan kakitangan boleh mengambil bahagian dalam penipuan ini. Pekerja dalam pengurusan pilihanraya boleh juga disogok supaya bekerjasama dan tidak melapor penyelewengan yang berlaku. Jumlah undi pun boleh ditipu semasa dikira.
9. Mereka yang bersubahat seperti ini boleh dilindungi oleh pihak yang berkuasa. Mereka tidak akan didakwa.
10. Apabila diisytihar keputusan pihak yang tidak puas hati boleh membantah. Mereka boleh berdemo.
11. Tetapi selagi ketua pihak penguatkuasa undang-undang dan pendakwaraya menolak segala dakwaan penipuan dan bantahan oleh rakyat sia-sia sahajalah usaha yang dibuat.
12. Parti yang menang secara penipuan akan dirikan Kerajaan dan akan terus menipu dan melepaskan duit rakyat. Ini sudah pun berlaku.

13. Demokrasi memang sistem yang terbaik tetapi demokrasi boleh disalahguna dan salahlaku sehingga wujud diktator demokratik – atau lebih tepat lagi kleptokratik. Demikianlah wang boleh menghapuskan semangat sayang kepada bangsa, negara dan agama.

14. Untuk mengelak semua ini berlaku terdapat hanya satu cara sahaja. Rakyat sebagai pengundi, kakitangan dan pegawai mestilah menolak dengan sekeras-kerasnya RASUAH dalam apa bentuk sekalipun.

15. Apa juga yang diterima dan boleh ditakrif sebagai rasuah adalah haram – haram di dunia dan haram di akhirat. Islam, agama-agama lain dan masyarakat mengutuk rasuah. Percayalah rasuah tetap akan memburukkan nasib semua dari kita termasuk dan lebih-lebih lagi mereka yang menerima rasuah.

16. Janganlah sesiapa berkata oleh kerana rasuah tidak termasuk dalam hukum hudud, dianya akan dibalas hanya di akhirat sahaja. Dia tidak menjadi kesalahan di dunia. Oleh itu terimalah rasuah sebagai rezeki.

17. Sebenarnya balasan di dunia akan dirasai oleh semua kerana rasuah, selain dari menjadi beban kepada masyarakat tetap akan menghancurkan negara.

18. Melayu UMNO mudah lupa, seperti saya nyatakan dalam perhimpunan Agung UMNO dahulu. Kali ini mereka lupa sayang kepada bangsa, negara dan agama seperti perjuangan UMNO di waktu ia ditubuh. Yang mereka ingat hanyalah duit itu raja. Dan mereka teruslah menyembah duit. Pilihanraya kali ini akan memperlihatkan duit-duit yang dicuri dikongsi bersama oleh mereka yang terus menyokong Najib. Dengan perkataan lain ahli UMNO yang terus sokong Najib bersubahat dengannya dalam melepaskan duit Kerajaan (duit rakyat) berbilion-bilion Ringgit.

19. Makanlah duit haram ini, duit dari menjual bangsa, agama dan tanahair.

62 thoughts on "PILIHANRAYA"

1. [Log in to Reply adelheid](#) Dec 6, 2016 7:56 PM

Dear Tun,

I'm sure you are more aware of this than most of us the common rakyat – just to share what I have read <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/a-kadir-jasin/kesan-kerjasama-dua-hala-mca-cpc-1.588289>

MCA and CPC. Diam-diam tapi berisi.

It's high time we all open wide our eyes and wake up!

Take good care dear Tun.

2. [Log in to Reply WandyCaswady](#) Dec 6, 2016 7:03 PM

Assalamualaikum...

Please...

<https://youtu.be/gGu4uD4CckA>

Jazakumullahhu khairan kathiraa...

3. [Log in to Reply adelheid](#) Dec 6, 2016 6:54 PM

Dear Tun,

You are on the right track. It is never too late to save our country. That's why God has given you the grace and strength to do what you are doing now – God has given you the grace to realize what you have never realized before. And to work hand in hand and heart to heart with the opposition (bless the opposition) and especially with DAP's Lim Kit Siang whose struggle has always been for the rakyat as a whole – your path could never be more than right.

We all make mistakes and it is not easy to admit to what we may have done wrong before, but when we do make the shift and we dare to swallow our pride we will realise that nothing can stand in our way now.

Fly high and proud dear Tun Dr. Mahathir. It is only a matter of time.

Take good care dear Tun. Always love you!

4. [Log in to Reply HBT456](#) Dec 6, 2016 6:33 PM

22. Similarly, swag could be defined in urban dictionary as secretly we are gay, karl.

23. Have you ever thought of the mindset of the voters could have shifted whereby voters no longer rely on the influences of the political party to decide who they vote?

24. No country can escape such shift of mindset including malaysia.

25. I know, its high time for politics.

26. If i got br1m, i will vote bn.

27. No one can change the past.

28. We definitely can improve as we move on.

5. [Log in to Reply HBT456](#) Dec 6, 2016 6:22 PM

20. Brim is king, dont you agree with it, karl?

21. Br1m is cash.

2

6. [Log in to Reply sibotak](#) Dec 6, 2016 6:11 PM

I thank Najib for his Good Deeds for the Rohingya efforts
Najib must not mention UMNO , PAS nor NGO which he did at the stadium
In Ibadah its One's Niat
It's Lillahitallah , its Kallimah

But it shows much Clowns in Najib , trying to belief him
Prime Minister Don,t need to Demonstrate
PM NEEDS TO SHOW A GOOD EXAMPLE
Having unlawful transacted money deposits into his account is
A BAD EXAMPLE of a Leader

What Najib needs to do is to voice out in ASEAN meetings
He can forwards his stands to United Nation even
without ASEAN nor United Nation meetings
He don,t have to Clowned himself at the Stadium ,shouting for OIC attentions
All he needs to do is to sent a representatives to the appropriate concerns
Even if it is to Israel.Clowning himself with a non prepare speech
I felt very much embarrassed my PM is clowning himself for Attentions

Very unprofessional speech , very Childish act indeed
The very reason from day 1 of Najib giving up our KTM Land to Singapore
His vast clumsy failure of 1MDB , His overjoyed splendid expenses which he don't deserves the credit
& many Facts not reasons
I cannot see Najib is The Man

And Malaysia cannot proceeds with Failure & Loses
Now & Then

Nevertheless I thank him for his good deeds
The fact is his demonstration does not sent Stern message to Myanmar
ASEAN Leaders , World Leaders are not Listening
Believe they thought Najib might be watching Football at the Stadium
Simply its Clumsy and Childish of a Prime Leader

7. [Log in to Reply anti rasuah](#)Dec 6,2016 4:44 PM

Assalamualaikum Tun.

Kepada saudara Karl, secara ikhlas saya bertanya adakah kamu biasa terlibat dengan memberi dan menerima rasuah sepanjang hayat kamu?

Tolong jawab...

Wassalam.

8. [Log in to Reply umranrc](#)Dec 6,2016 2:50 PM

Salam Tun,

1. "And now he is comparing himself with the Prophet of Islam"
2. "but the Prophet of Islam as you all know, doesn't have 1MDB"
3. "He did not have 2.6 billion ringgit in his account, that is why we look up to him"

The above 3 sentences were the actual words uttered by Tun recently post DAP's meeting while the press conference.

Now, I do not understand where in those words are belittling our Rasullullah? To those who think otherwise, kindly tell the readers here where in those speech that you think Tun downplayed our Junjungan?

Terima Kasih Tun

9. [Log in to Reply faridina](#) [Dec 6,2016 12:49 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

NAJIB DIDESAK MOHON MAAF PADA ALLAH SWT DAN BERTAUBAT

Ayahanda Tun tidak menghina Islam tetapi menghina orang Islam yang mempergunakan agama Islam untuk kepentingan diri sendiri sedangkan dia (DSN) tidak menuruti ajaran Islam malah melanggarnya dengan menipu dan mencuri wang pinjaman 1MDB umpamanya dan banyak lagi.

Islam itu Ad-Din satu cara hidup (a way of life) yang boleh terlihat oleh orang beragama lain.

Perbuatan kita umat Islam menjadi saksi bagaimana kita mentaati ajaran Islam.

Salahlaku dan kemungkaran DSN disaksikan masyarakat bukan Islam dalam dan luar negara dan mereka sedar ini bukan Ad-Din orang Islam.

Maka tidak salah ayahanda Tun berkata depan DAP beliau malu sebab DSN tidak menuruti ajaran Islam dengan segala perbuatan terkutuknya tetapi dalam PAU dia berlakon macamlah seorang yang warak.

Kiasan Tun ialah DSN nak cover so nak nampak baik macam para nabi kununnya. Kalau sebut 'prophet of Islam' itu hanya bermakna para nabi dalam Islam secara amnya ramai tu...cuma kita dikehendaki mengenali 25 orang nabi.

Tiada soal Tun mempermainkan Nabi Allah Muhammad SAW yang pasti Tun mempermainkan nama DSN yang mempermainkan kesucian agama Isl Islam dengan berlagak alim sedangkan ekor penuh najis (cakap Inggeris – he doesn't walk the talk) cakap tak serupa bikin.

Kami dengan ini mendesak Tn Hj Najib bertaubat nasuha dan memohon maaf kepada Allah SWT sebelum terlambat.

Wasalam Tun.

10. [Log in to Reply Kamarulaznan](#) [Dec 6,2016 9:08 AM](#)

Assalamualaikum,

Tun Mahathir yang kita kenal adalah seorang pemimpin. Beliau membawa visi dan misi untuk negara dan rakyat. Beliau bukan seorang pengikut. Jika kita berdiri dalam satu kumpulan, beliau akan berada di hadapan.

Beliau tidak bernaung di bawah mana-mana parti sama ada Amanah, PKR ataupun DAP. Sebaliknya beliau menubuhkan PPBM. Beliau ada visi dan misi tersendiri dan kesatuan rakyat menyokong visi dan misi tersebut.

Sekali lagi saya katakan beliau berada di depan . Rakyat yang mengikut beliau. Adakah berada di depan itu (memimpin) maksudnya bersekongkol dengan orang yang tidak beriman?

Jangan keliru saudara-saudara sekalian.

11. [Log in to Reply Karl Iskandar](#) Dec 6, 2016 6:15 AM

Kuasa Wang DrM dan Rasuah

Wang adalah sumber kuasa. Orang Cina lebih kaya dan mempunyai wang yg jauh lebih banyak daripada orang Melayu.

Wang boleh membeli kuasa. Jual-beli kuasa politik telah lama diamalkan oleh towkey Cina di Malaysia, melalui pemberian rasuah, dan sudah pastinya secara rahsia yg menasar golongan elit serta berkepentingan.

DrM tidak terkecuali dari godaan politik wang. Bohonglah kalau kroni politik DrM kata yg mereka jadi billionaire tanpa bantuan DrM. Mereka itu jadi sangat kaya kerana dapat tender kerajaan dan projek-projek mega secara direct nego atau monopoli dan AP.

Kita jangan tuduh, tapi harus bertanya – berapakah peratusan komisen yg jika DrM terima tidak akan dihisab sebagai RASUAH.

George Soros pernah menuduh DrM terima 20% komisen dari projek kroni politik, tapi siapalah Soros utk kita percaya. Tak gitu?

Apapun, wang yg banyak menjadi tidak bermakna jika ia tidak dapat membeli kuasa. Betul, absolute power is delightful...

12. [Log in to Reply joetachi](#) Dec 6, 2016 1:24 AM

SalamSejahtera pd rakyat Msia..

PilihanRaya akan kunjung tiba..!

Pelbagai cara jaminan kuasa..!

Pelbagai usaha rancang dcuba..!

Gelanggang apa hendak beradu..?

Peti undi jd penentu...

Siapa kira..? Siapa yg tahu..?

Siapa pengundi.? Mungkinkah hantu..?

*

SatuLawanSatu.! yg mana satu..?

Berapa banyak satu.?

Nak lawan yg itu..!

Entahkan PASTi? Entah penjuru?
nie saja Nk bgtau....

BULAN Depan dh masuk tahun baru..!

13. [Log in to Reply WandyCaswady](#) [Dec 5,2016 11:41 PM](#)

People...

Due to amir yusof statement... Im embarrass to be a malay... Embarass to be a muslim... What kind of rude statement using prophet Muhammad SAW name to put blame on others...

To both Karl Iskandar and amir yusof...

May Allah save you from what you have become...

Read your Al Quran... Do not just recite it without understanding... How can you believe islam is the truth if you didnt read what was inside the 1400+ year old book?

I know many muslim chosed not to know what is inside the Quran...the concept of "better not knowing doin sin hoping our sins will be forgiven in the judgement day"...

So why God sent us the Holy Book down to earth for us? All the warnings and do's and dont are written all in there... Then how come we chosed to be ignorant about it?

14. [Log in to Reply faisal](#) [Dec 5,2016 11:01 PM](#)

Assalaamualaykum Warahmatullahi Wabarokaatuh

My Dear Tun,

I am a nobody, but I do care alot regarding the well being of my brothers and sisters in Islam. Never have I consider of leaving a comment on your blog here, however, after I read in the news about your statement comparing our Prime Minister to our beloved Prophet Muhammad (May Peace and Blessing be upon him), and subsequently receiving big laughs and cheer from the crowd, this to me is indirectly mocking Rasulullah SAW.

My Dear Tun, the severity of this would lead to your Islam being nullified, because whoever mocks or ridicules any part of the Messenger's Religion or its rewards or punishments has committed an act of disbelief. The proof for this is Allah's statement: "Say: 'Was it Allaah and His verses and His Messenger that you were mocking? Make no excuses, you have disbelieved after having had faith.'" [Surah At-Tawbah:65-66]. Thus please ask for forgiveness from Allah, and never repeat this sin.

My dear Tun, I see that you are not adhering to the command of our Prophet Muhammad SAW with regards to several matters (these matters are best to discuss personally). Please Tun, before you return to Allah The All Mighty, who is your creator and my creator, please obey to the commandments of Allah and Prophet Muhammad SAW. There are hadith in Sahih Bukhari regarding how a Muslim should maintain their relationship with another muslim and how are our conducts towards a muslim leader. Please read on all these hadiths, Sir.

Another nullifier of a person's Islam is when supporting and assisting the polytheists against the Muslims. The proof for this is Allah's statement: "And whoever amongst you takes them (i.e the disbelievers) as allies and protectors then he is indeed from among them. Verily, Allah does not guide a wrong-doing people." [Surah Al-Maa'idah:51]

That is all from me my dear Tun. I mean no harm, this is just an advise to someone that I care of his wellbeing in Akhirah.

May Allah guide us all to the straight path and may Allah grant you and me a good ending.

15. [Log in to Reply Butikui Nang](#) Dec 5, 2016 10:21 PM

Sambungan....

Parti-parti yang tinggal serumah bermaksud bermakna sekeluarga, harmoni kerana boleh tinggal serumah dan sama –sama memelihara keselamatan dan hal ehwal rumah tempat tinggal dan berteduh yang sama

KESATUN RAKYAT yang disertai parti parti pelbagai latar belakang dan berada dalam satu RUMAH amat menakutkan BN dan memberi lebih keyakinan dan ruang memilih untuk rakyat menukar kerajaan kleptokrasi sekarang.

Kesatuan Rakyat juga perlu bersedia menyediakan manifesto yang boleh meyakinkan rakyat untuk menghadapi PRU 14 nanti. Deklarasi Rakyat boleh dijadikan Dasar asas Kesatuan Rakyat

Tetapi dengan penjenamaan baru Kesatuan Rakyat yang mempunyai satu logo iaitu Rumah maka manifesto , pengagihan kerusi, dasar baru dan lain lagi akan mudah dilaksanakan

Berilah keyakinan keyakinan kepada rakyat, capai kemenangan barulah boleh menyusun kerajaan dan agihan jawatan. Tunjukkan kepada rakyat bahawa Kesatuan Rakyat yang berteduh dalam satu Rumah boleh bersatu dan bersama membela rakyat dan tidak mementingkan jawatan.

Buatlah kenyataan yang konsisten dan tidak bertentangan antara satu dengan yang lain dan pimpinan tertinggi mesti akur dan mempunyai dasar beri dan terima dalam kerangka persetujuan Kesatuan Rakyat yang seRumah.

Rumusan yang boleh saya simpulkan bahawa rakyat tidak perlukan DACING yang tidak relevan lagi dalam kehidupan rakyat Malaysia sekarang tetapi setiap rakyat yang berkeluarga memang mahu dan perlukan RUMAH.

16. [Log in to Reply Butikui Nang](#) Dec 5, 2016 10:16 PM

Tun

Masa memang semakin suntuk untuk menghadapi BN dalam PRU yang akan datang. Usaha Tun amat konsisten untuk menjatuhkan Rejim Najib yang membawa aib dan malapetaka politik dan ekonomi masa kini dan akan datang. Tun telah mempelopori kerjasama dengan parti-parti rakan pembangkang yang telah menggerunkan Najib dan konco-konconya. Tun juga menjelaskan untuk menumbangkan BN hanya boleh dilakukan melalui kerjasama erat parti-parti rakan pembangkang dengan cara satu lawan satu penjur.

Oleh yang demikian saya dengan rendah hati dengan niat pandangan saya ini akan menjadi sumbangan amal jariah mencadangkan supaya gabungan parti-parti rakan pembangkang sekarang yang dikenali Pakatan Harapan dimana perkataan "Pakatan" yang membawa konotasi yang negatif dipinda kepada satu jenama baru dengan kehadiran PPBM (BERSATU) kepada Kesatuan Rakyat yang membawa pengertian yang lebih jitu dan nyata serta jelas dengan kesatuan hati parti-parti seperti

Parti Keadilan Rakyat, Parti Amanah Negara, DAP, BERSATU, Warisan dan parti lain yang akan menyusul menentang Barisan Nasional.

Saya juga ingin mencadangkan agar Kesatuan Rakyat mempunyai satu logo bersama seperti Barisan Nasional yang berlambangkan Dacing.

Saya mencadangkan Kesatuan Rakyat mempunyai logo Rumah. Kenapa saya cadangkan memilih lambang rumah. Biarlah logonya nanti direkapi oleh rakyat yang berkemahiran melukis mungkin dalam peraduan khas atau pun secara sukarela dan dinilai serta dipersetujui bersama oleh parti-parti yang menggabungkan Kesatuan Rakyat. Warna dan makna logo biarlah di ilhamkan oleh pelukis grafik yang berkenaan.

Kenapa rumah?

Asas kehidupan adalah rumah dan setiap manusia perlukan rumah

Disitulah manusia memulakan keluarga, tempat untuk berlindung dari hujan dan panas, tempat tidur, berehat, makan minum, bertukar pakaian dan tempat yang selamat dari gangguan persekitaran. Tanpa rumah kehidupan manusia akan pincang serta tidak teratur.

Manusia tidak memerlukan Dacing kerana boleh gunakan alat timbangan yang lain tetapi manusia perlukan rumah yang paling tidak pun mengikut kemampuan masing-masing. Sepatutnya dalam manifesto Kesatuan Rakyat nanti perlu membuat perakuan bahawa setiap rakyat yang telah berkeluarga berhak memiliki rumah mengikut kemampuan masing-masing dan menyediakan perumahan bersesuaian dengan kemampuan rakyat terbanyak bukan seperti sekarang yang membina banyak rumah mampu lihat yang menyasarkan orang luar Negara seperti Projek Rumah Keduaku. Sepatutnya kerajaan yang mengawal pemaju dan pemodal dan bukan sebaliknya.

17. [Log in to Reply rimba.emas](#) Dec 5, 2016 9:19 PM

Salam Tun.

1. Semalam pada program 'Bicara Presiden' PPBM (Di Simpang Empat Permatang Buluh), beberapa persoalan yang di lemparkan kepada yang bersekongkol dengan Parti DAP telah terjawab.
2. Di jawab sendiri dari bekas Ahli Parlimen Tasik Gelugor orang Pulau Pinang sendiri iaitu Dato' Sri Shariff Omar bahawa DAP memerintah lebih baik dari Parti Gerakan yang mewakili kaum Cina dalam BN.
3. Jadi tiada sebab cina DAP tidak dapat mengambil alih tempat Ketua Menteri yang lama dari Parti Gerakan.
4. Sementara melayu PPBM akan membetul kembali perkara buruk yang telah berlaku kepada rakyat oleh melayu UMNO.
5. Tiada maknanya dakwaan melayu akan hilang kuasa jika UMNO berkubur. Lebih sinis rakyat geli hati kalau UMNO berkubur akan menghadapi soal jawab mungkar nangkis siksa kubur. (dapat di lihat rakyat ketawa kecil).
6. Ada beberapa perkara rakyat perlu berfikir sedalamnya dengan logik akan kuasa rakyat dalam menggundi (melainkan ada penipuan).
7. Kita ada kuasa menolak GST jika kita MENGGUNDI Parti PPBM & Pakatan yang akan menghapuskannya. Begitu juga dalam soal subsidi, kenaikan harga barang, mengambil tindakan

undang-undang kepada MEREKA YANG TERLIBAT DALAM 1MDB, MEMULIHKAN INTITUSI PENGUATKUASA YANG BEBAS SERTA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP PERKARA SALAH YANG DI BEBASKAN TANPA PERBICARAAN.

8. Semua yang di atas adalah sepatutnya menjadi 'BICARA SEORANG PRESIDEN' dalam keadaan Malaysia yang terumbang-ambing dengan berbagai permasalahan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 5 tahun yang rakyat berikan.

9. Kita patut pilih pemimpin yang dapat menyelesaikan masalah kita (rakyat) bukan pemimpin yang kembalikan kepada kita untuk menyelesaikan masalah yang di buatnya.

10. Semua perkara yang berlaku pada kita menjadi ujian kepada keimanan kita kepada yang maha berkuasa (tuhan).

Wallahua'lam.

18. [Log in to Reply amir yusof](#) Dec 5, 2016 9:00 PM

Oklah , Tun M mempelekehkan Nabi Muhammad as , yg mentedarah duit rakyat kira boleh kot , Tuhan mana pulak yg di sembah ?

19. [Log in to Reply WandyCaswady](#) Dec 5, 2016 7:00 PM

We live in a world where we have to hide to make love,
While violence is practiced in a broad daylight...

J.L

Jho Low??

No no no no no...

John Lennon...

#FoodForThoughts

20. [Log in to Reply faridina](#) Dec 5, 2016 2:37 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Correction Typing Error Sir,

PM Itali tak mahu overstay walaupun tempoh pemerintahan bersih lebihkurang sama sang Najis dan dia mahu luang masa pula dengan isteri dan anak2 yang diabaikan selama jadi PM.

Yang di atas adalah untuk PM New Zealand.

PM NZ tak mahu overstay walaupun tempoh pemerintahan bersih lebihkurang sama sang Najis dan dia mahu luang masa pula dengan isteri dan anak2 yang diabaikan selama jadi PM.

Wasalam Tun.

21. [Log in to Reply faridina](#) Dec 5, 2016 1:36 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Minta laluan sikit je ayahanda nak jawab soalan SRP CIK Odikarl.

Betulkah orang Cina sekarang benci rasuah?

Orang Cina nama Jho Low sahaja yang suka merasuah dan lebih hebat dia bagi rasuah dari duit klepet berbillion 1MDB.

Wasalam Tun.

22. [Log in to Reply faridina](#) Dec 5, 2016 1:10 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Berita Tak Gempar

PM Itali & PM New Zealand

Letak Jawatan

BERITA GEMPAR MALU

Pee M M'sia Masih Tak Mahu

LETAK JAWATAN

PM Itali undur diri bila kalah undian referendum bukan pilihanraya pun.

Sungguh bermaruah syabas Sir.

Pee M M'sia masih tak reti bahasa tak malu dan masih enggan undur walaupun kalah undi popular dalam PRU 13.

Sungguh pariah terbasahlah hendaknya.

PM Itali tak mahu overstay walaupun tempoh pemerintahan bersih lebihkurang sama sang Najis dan dia mahu luang masa pula dengan isteri dan anak2 yang diabaikan selama jadi PM.

Sungguh mulia hati omputih ni sayangkan keluarga dia bertempat.

Pee M M'sia memang kena overstay kalau tak kena stay kat hotel Sg Buloh dan dia pun satu bagus nya tak pernah abaikan isteri tercinta dan anak2 kandung dan anak tiri dan anak angkat (JL) dalam pentadbiran kerajaan dan perniagaan berbillion.

Sungguh hitam kejam hati orang Boogis ni bikin famili dia happy gila dengan membuat famili rakyat menanggung hutang dia.

Wasalam Tun.

23. [Log in to Reply Karl Iskandar](#) Dec 5, 2016 10:25 AM

Orang Cina tahu bahawa walaupun wang bukan segalanya, tapi segalanya perlukan wang. Setiap hari kita berbelanja. Suka tak suka, rela atau terpaksa. Dalam hal ini orang non-muslim lebih realistik dan tidak munafiq dalam hubungan kewangan.

DrM membangunkan UMNO dgn wang, bukan dgn air liur atau cakap-cakap kosong. Kuasa politik Melayu membantu UMNO DrM utk peroleh wang dari sumber hasil negara utk tujuan yg baik.

Sebab itu, bila DrM perkenalkan dasar penswastaan, komuniti bisnes Cina tidak membantah kerana mereka nampak peluang utk buat wang yg banyak. Mereka juga tidak kedekut menghulur rasuah kerana ia tidak dianggap satu dosa mahupun kesalahan, malahan pemangkin bisnes.

Betulkah orang Cina sekarang benci rasuah?

24. [Log in to Reply sibotak](#) Dec 5, 2016 7:47 AM

Lets see Najib sincerity of moving into Rohingya

As a Prime Minister it is his duty to voice Malaysia Voice

Malaysia displeasure to Myanmar in any Asean or He should push for ASEAN urgent meetings

ASEAN must also play a role of sending Military to safeguard the minority Rohingya there

It is the duty of us Human for the Evil Govt led by Aung San

ASEAN has since turn a Blind Eye on Rohingya as Muslim Leader in Asean did not voice out

Aung San ,Just because her husband is British that does not make her somebody nor exceptional

Indonesia ,Brunei , Malaysia must sent a stern voice to Myanmar in ASEAN meetings

It has seen ASEAN has also turn a Blind eye on Rohingya Genocides since day 1

Muslim Nation must Voice Be united and be prepared

I dare you Tun Najib to do what you speaks at the Stadium

Hope yr intentions is not to defend UMNO nor yr status

What you speak at the Stadium are recorded and you must deliver yr message with sincerity

Every Muslim Today must make their every Bid to Unite the Ummah

It is clearly written in the Quran

"Hold Fast The Rope Of Allah

Be Not be Divided among Ummah "

25. [Log in to Reply Ali Akbar Hashim](#) Dec 5, 2016 1:35 AM

Dear Sir,

The three wise monkeys say "see no evil, speak no evil, hear no evil"

Why majority are still defended Najib with their life??

In our neighbour country in the south banks are closed down due to 1MDB scandal

All related banks are fine millions of Singapore Dollars!

Banks personnels that involved has been punished with a severe fine and jail

Jho Low name was mentioned in the investigation and I hope he will be called up to testify

He outclassed all the thief masters of the world with 1MDB scandal and Najib was sitting there as MOF, Najib cannot say I see no evil, speak no evil and hear no evil

All these peoples must be brought to justice

I have called upon MCA, MIC and all components parties of BN to withdraw support to Najib

Please for the sake of our future generation

We need someone clean to lead this country

"United we stand Divided we fall"

26. [Log in to Reply](#) **sibotak** [Dec 4,2016 11:57 PM](#)

It is quite seen Najib demo for Rohingya

Is mere of his political objective when he mention in his speech

The UMNO ,PAS & The Ngo

Nevertheless I still Thank him for his efforts for the Rohingya people

In the name of Humanitarian

BERSATU ,PKR & others can also Voice their stands to the World

It is not necessary for Najib to join the demonstrations

He is the Govt

It is his duty to speak up of Rohingya in his ASEAN meetings

His also duty to send a Stern message to Myanmar and a clear voice to United Nation

Najib need not Clown himself in a Demonstrations

He has the authority & duty to speak up to the world

So as President Jokowi , Sultan Brunei ,OIC , The Raja Raja Melayu & the rest

Hope they must not be just contented of their comforts

Its a cry for Human Rights not just a cry for Ummah

We must sent a stern message to Myanmar , cut off relations if we must

Step into it if it will

27. [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Dec 4,2016 11:05 PM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Apa yang disarankan Musato betul, yang UMNO masih bergantung kepada isu perkauman untuk meraih sokongan Melayu.

Apa yang diutarakan pada perhimpunan kali ini – habuskan sekolah aliran Cina dan boikot bukan Melayu dalam perjawatan GLC. Apakah Malaysia boleh maju, tanpa perpaduan dan kestabilan politik?

Pergabungan UMNO-PAS ini haram, kerana memperguna nama Islam dengan motif politik kepentingan diri, tambah pula unsur-unsur pemfitnahan yang tidak boleh diterima umum!

28. [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Dec 4,2016 10:57 PM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Alangkah sedihnya jika medan politik dijadikan cara mencari duit haram dengan cepat, melalui pelbagai bentuk penguasaan, terutamanya pengagihan projek dan sistem AP.

BN harus mengingati jasa Tun buat selama-lamanya kerana telah berjaya memperkubukan Malaysia di bawah pemerintahannya.

29. [Log in to Reply anti rasuah](#)[Dec 4,2016 10:49 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Menyentuh isu sepanjang perbahasan PAU kali ini ternyata TIADA ISU RASUAH kedengaran. Mungkin ada wakil yang mahu bangkitkan tetapi telah dicantas di peringkat atasan UMNO. Keajaiban dan sesuatu yang mustahil atau RASUAH DAN UMNO TIDAK BOLEH DIPISAHKAN???

Tun,

Sekadar ingin mencadangkan dan perkara ini telah juga dicadangkan oleh rakan dala group ini di mana istilah parti pembangkang usah diguna kerana tafsiran pembangkang dimata rakyat khususnya jenerasi tua adalah mereka yang berfikiran negatif.

Mulai sekarang, jika Tun pergi ke mana-mana berceramah hendaklah menggunakan istilah PEMERINTAH PILIHAN RASIONAL iaitu gabungan PBBM, AMANAH, PAS, PKR DAN DAP serta parti-parti di Sabah dan Sarawak lainnya.

PEMERINTAH bermaksud gabungan parti-parti baru akan mentadbir Malaysia bagi menggantikan BN bermula PRU14.

PILIHAN bermaksud gabungan parti-parti baru yang tidak sehaluan dengan Najis, UMNO (kerana bersekongkol dengan Najis), MCA, MIC dan parti-parti lain di Sabah dan Sarawak yang pro BN, kita adalah parti pilihan yang akan membawa kembali kemakmuran, ekonomi, demokrasi dan kesejahteraan negara di landasan yang betul demi keseluruhan rakyat.

RASIONAL bermaksud gabungan parti baru ini akan berikrar mentadbir Malaysia secara bijak, tanpa rasuah, benteras segala bentuk penyelewangan, benteras segala bentuk penyeludupan dan cuba mengembalikan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Semuga usaha Tun dan gabungan parti-parti baru ini akan memberi impak yang positif kepada masa depan kerajaan yang lebih gemilang.

Sekian Tun, doa semuga Tun diberi kekuatan fizikal dan mental menghadapi segala dugaan.

30. [Log in to Reply HassanNik](#)[Dec 4,2016 10:46 PM](#)

Hati-hati Tuan! Kedudukan terkini ahli puak tu mencadangkan kepada SPRM supaya tangkap pemberi rasuah sahaja, dan tindakan keatas penerima tidak mereka nyatakan dengan jelas. Jika ketua puak-puak tu bersetuju cadangan tersebut dan SPRM pun sukahati untuk melaksanakannya maka habislah projek terbengkalai seterusnya yang memberi rasuah tiada projek manakal yang menerima pula terputus subur passive income. Jaga-jaga!

31. [Log in to Reply Sharudin Jamal](#)[Dec 4,2016 6:36 PM](#)

Chedet,

Saya amat sedih kerana ahli politik Malaysia tak kira parti hanya memikirkan bagaimana untuk songlap duit projek untuk masuk poket sendiri. Parti UMNO tu dah memang terang2. Menteri yang umur tak sampai setahun jagung pun rumah berjuta. Mana dapat duit sebegitu banyak? Makan duit atas komisyen projeklah, apa lagi.

Kita anggap pelakuan orang2 UMNO ni melampau, tengok2 di Selangor, projek2 yang diterajui oleh parti pembangkang pun sama juga. Semuanya ada kepentingan diri.

Permasalahannya dengan memberi sogokan ini, yang menerima tak puas2, yang memberi semakin letih. Kalau sikit2 tu bolehlah tahan, tapi kalau Dato sakau 90% kita yang buat projek dapat 10% atas profit margin, macamana kita nak terus berniaga?

Jadi nak tak nak, nilai projek yang tak seberapa ditingkatkan berlipat ganda. Untuk nak bayar politikus yang pada dasar berkhidmat untuk rakyat tapi pada hakikatnya hanya berminat untuk memperkayakan diri sendiri.

Tak hairanlah mengapa para politikus ini sanggup berbuat apa saja untuk menang. Habuannya tak terkira banyak. Boleh makan berberapa generasi.

Sepanjang negara kita lantang bersuara untuk membentras politik wang, dalam ingatan saya hanya satu calon sahaja ditangkap kerana membeli undi. Yang lain bukan tak buat, tapi tak ditangkap.

Bagi kami yang nak cari makan ni, tiada pilihan yang boleh dibuat. Tak bagi tak dapat. Bagi pulak tinggal hampeh.

Ini lah rintihan saya Chedet.

Rakyat pendokong Wawasan 2020,
SJ

<http://sharudinjamal.blogspot.my/2016/12/your-right-to-riches.html>

32. [Log in to Reply](#) **faridina** Dec 4, 2016 3:24 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Benar seperti mana komen rakan2 di sini jika diteliti ucapan dasar pemunafikan dan ucapan gulung tikar Presiden DUMBNO hanya tertumpu pada kelangsungan nyawa politiknya sendiri dengan parti dumbnya menjadi kaldai tunggangan.

Karakter yang di bawa kali ini ialah seorang ulamak terjemahan yang tak bisa membaca surah2 dalam bahasa Arab untuk menghalalkan segala kemungkarannya.

Najis mughalazah ini menzahirkan ketakutannya pada ayahanda rakyat dan seteru2 politiknya dengan memomokkan ahli2nya dengan dosa jika terkuburnya Dumbno dan mengugut ketaatan mengkhinzir buta.

